

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11

Perkenal dasar pembahagian imbangi agihan bantuan

Perkenal dasar pembahagian imbangi agihan bantuan

Oleh Dr Mohd Rahim Khamis
bhrenanca@ph.com.my



Pensyarah Kanan
Jabatan Ekonomi
dan Pengajian
Kewangan, Fakulti
Pengurusan dan
Perniagaan,
Universiti Teknologi
MARA (UiTM)

Konsep *equality* atau kesaksamaan dan ekuiti merujuk kepada konsep sama, tetapi mempunyai sedikit perbezaan. Sebagai asasnya, *equality* merujuk kepada perlungan sama rata kepada setiap golongan tanpa mengira sosioekonomi sesebuah masyarakat.

Dalam erti kata lain, semua golongan akan memperoleh dan menikmati apa juga diberikan pada kadar sama rata. Tidak ada lebih mahupun kurang.

Ekuiti pula merujuk kepada penawaran pelbagai tahap sokongan ataupun inisiatif bergantung kepada keperluan untuk mencapai keadilan lebih besar yang mana tujuan utama untuk merapatkan jurang sosioekonomi masyarakat.

Dalam ekonomi Islam, kedua-dua konsep ini dituntut kerana merujuk kepada bagaimana sesuatu sumber kekayaan yang ada diagihkan sama rata dan seimbang demi pembangunan sosioekonomi masyarakat.

Persoalannya konsep mana satukah amat bersesuaian dan bertepatan dengan usaha untuk merapatkan jurang sosioekonomi masyarakat ketika kos sara hidup semakin meningkat dan berlaku

ketidakstabilan ekonomi semasa.

Jika dilihat dengan apa yang dilakukan kerajaan atau agensi berkaitan, pelbagai inisiatif diberikan sejak dahulu tanpa mengira latar belakang sosioekonomi rakyat antaranya subsidi dinikmati semua lapisan masyarakat. Scenario ini merujuk kepada konsep yang mana kesamarataan pada setiap golongan masyarakat.

Akan tetapi, apabila berlaku ketidaktentuan ekonomi terutama sekali pasca pandemik COVID-19, pihak berwajib melihat kembali pemberian subsidi ini mesti dilaksanakan secara saksama dan seimbang supaya jurang antara masyarakat dapat dirapatkan.

Maka, dalam konteks ini sudah semestinya inisiatif seperti subsidi sepertinya diberikan keutamaan kepada mereka yang layak terutama B40 dan M40.

Pendekatan secara holistik

Bagi T20 pula, mereka juga berhak menikmati subsidi memandangkan golongan ini juga pembayar cukai. Ia tidak boleh ditarik terus, tetapi lebih kepada pengurangan supaya lebihan dapat disalurkan dan diagihkan kepada golongan lebih memerlukan.

Bagaimanapun, perubahan ini perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya ketidakpuasan hati dalam masyarakat tidak terjadi.

Sehubungan itu, pendekatan secara holistik perlu diambil dalam melaksanakan konsep ekuiti supaya jurang sosioekonomi rakyat dapat dirapatkan. Antaranya memperkenalkan dasar pembahagian semula pendapatan.

Agensi kerajaan boleh melaksanakan dasar ini dengan bertujuan mengimbangi pembahagian pendapatan antara kumpulan pendapatan. Dasar ini boleh dilakukan melalui pendekatan cukai secara progresif, bantuan tunai kepada golongan memerlukan serta program bantuan sosial dikhususkan kepada golongan memerlukan.

Di samping itu, pemberantasan aktiviti rasuah dan ketidakadilan perlu dilakukan dengan serius. Kerajaan harus bertindak secara tegas memerangi rasuah sehingga ke akar umbi supaya tidak wujud ketidakadilan dalam pembahagian sumber yang ada.

Penguatkuasaan undang-undang perlu dilakukan secara adil dan telus, integriti dalam agensi kerajaan dipertingkatkan serta memastikan dasar dan program dirancang dilaksanakan secara adil tanpa diskriminasi. Hari ini, kerajaan dilihat ber sungguh memerangi rasuah, tetapi adakah ia sudah memadai.

Selain itu, kaedah lain boleh dilaksanakan adalah memastikan akses sama ke arah sistem pendidikan berkualiti dan kesamarataan dalam peluang pekerjaan.